



Munsyi Cilik

Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan intonasi seruan untuk melahirkan perasaan. Intonasi seruan ini ditandai dengan tanda seru (!) yang terletak pada akhir ayat.

Contoh:

- Syabas, kamu berjaya! (menunjukkan perasaan gembira, pujian dan ucapan tahniah)
- Wah, unik rekaannya! (menunjukkan perasaan kagum)

Nah,

Eh,

Oh,

Cis,

Wahai,

Wah,

Aduhai,

Syabas,

Aduh,

Amboi,

Padankan ayat seruan berikut dengan kata seru yang sesuai.

1		lebatnya hujan sejak kebelakangan ini!
2		kamu pun mahu bersekolah di sini!
3		pantasnya pelari pecut itu!
4		berani sungguh kamu mengganggu keamanan kampung ini!
5		malang sungguh mangsa kebakaran yang tinggal sehelai sepinggang itu!
6		kumpulan kamu telah menjuarai pertandingan ini sekali gus mencipta rekod baharu pertandingan!
7		sakitnya kepalaku ini! Kata Dafi sambil memegang kepalanya.
8		murid-murid, ingatlah sentiasa pesanan orang tua kamu!
9		kamu rupanya yang mengambil pensel saya tempoh hari!
10		cantiknya ibu kamu! Puji Zaleha kepada Mahirah.